

PIALA HANG TUAH DAN PIALA PRESIDEN INDONESIA KUASAI

Laporan KHAIRUL ANUAR HJ MOKHTAR, MOHD RAHIME YUSOFF dan JAMHARIAH JAAFAR

Wan Aminuddin pesilat terbaik

-8 DEC 1987

INDONESIA mengekalkan penguasaan mereka dalam acara keseluruhan buat kali ke empat berturut-turut yang sekaligus memenangi Piala Hang Tuah dan Piala Presiden di Kejuaraan Silat Sedunia di depan kira-kira 15,000 penonton yang membanjiri Stadium Negara malam tadi.

B. Harian (M)

Malaysia B pula sekadar memenangi tempat kedua acara keseluruhan untuk mengubah kedudukan mereka daripada tempat kelima yang menjadi milik Belanda di kejuaraan Vienna, Austria tahun lalu.

Indonesia memungut 10 emas, tiga perak, satu gangsa, manakala Malaysia B tiga emas, tiga perak dan lapan gangsa.

Sepanyol pula menduduki tempat ketiga dengan satu emas, dua perak dan dua gangsa, diikuti oleh Brunei dengan satu emas.

Brunei di tempat kelima dengan empat perak dan lima gangsa. Malaysia B memperolehi tiga pingat emas melalui Ahmad Wardi, Wan Aminuddin Baki Abu bakar dan Ahmad Fauzi Othman yang masing-masing menumpaskan Faudilah M Ahani dari Brunei, Jarkoni (Indonesia) dan Koldo Auzmendi Iturrate (Sepanyol).

Ahmad Wardi Salim membuka semangat pertama negara selepas mengutip emas pertama selepas bertindak cemerlang mengeuasai keseluruhan perlawanan dengan Faudilah M Ahani.

Sentuhan emas berikutnya dimiliki oleh Ahmad Fauzi Othman yang begitu gigih berusaha menambah pungutan pingat negara apabila mendapat asakan keras dari Koldo Auzmendi dalam Kelas F.

Wan Aminuddin Baki dianugerah Piala Pesilat Teladan 1987 selepas menumpaskan Jarkoni untuk emas ketiga negara. Keungguhannya menjalani latihan untuk persiapan kali ini selepas mengutip pingat gangsa di sukan SEA lalu sudah memberi pulang atas pihit jerihnya.

Bagi Koldo Auzmendi pula kekalahan kepada Ahmad Fauzi tetap membuatnya tersenyum puas dengan anugerah Piala Persilat Harapan 1987. Ketika di Vienna, Marcel Copini dari Belanda memenangi anugerah itu.

Bagaimanapun, Copini tidak kecewa kehilangan anugerah itu kerana berjaya menutup pingat emas tunggal negaranya apabila menyingkirkan Sarno dari Indonesia.

Mazlan Shaari yang bertanding dalam bahagian bukan kejuaraan Terbuka Kelas G, menyusul Wardi untuk mengutip emas kedua apabila menewaskan Andela dari Belanda.

Bagaimanapun, Ahmad Raifee Yaacob dan Razak Ismail gagal meraih emas selepas tumpas kepada Junaidi dan Rachie dari Indonesia.

B. Harian (M)

Normala Yaakob yang tumpas kepada Rina Widayati dari Indonesia tetap berpuas hati dengan pingat perak kerana ini adalah pertama kali mewakili negara.

Antara yang memenangi pingat gangsa, Mohd Azizi (kelas A), Ahmad Khusairi Ibrahim, Mohd Khairi Abdul Rahman (B), Zakri Ibrahim (D), Azam Abas (H), Rashid Che Omar (Bebas), Khadijah Salleh (A), Aswida Darus, Siti Azahariah Hussin (C), Siti Anida Mahadi (D), Zaleha Suradi dan Roslinda Abdullah (E).

Semalam, Malaysia B keluar sebagai juara bahagian Silat Seni merebut Piala Pendekar yang disumbangkan oleh Malaysia yang mendapat 153 mata bagi mengatasi Indonesia yang memperolehi 142 mata. Manakala Malaysia A menduduki tempat ketiga dengan 134.5 mata.

-8 DEC 1987

Malaysia B mempersempit corak tarian perseorangan menerusi Mohammad, permainan keris (Sharifuddin dan Sabbiah) dan tongkat (Zailan dan Norazman).

Dalam kejuaran tahun lalu di Vienna, Malaysia menduduki tempat kedua selepas Indonesia.

Negara lain yang turut serta dalam pertandingan bahagian ini ialah Surinam, Amerika Syarikat, Australia, Britain, Sepanyol, Jerman Barat dan Turki.